

UMT anjur eksspo kerjaya terbesar di Pantai Timur

84 29/03/08 Pg.T4

Program tahunan berkenaan bertujuan membantu pelajar, lepasan sekolah, lepasan diploma dan ibu bapa mengenai pelbagai kursus selain peluang untuk pendidikan lanjut.

■ W. SAIDATUL FADZILAH
W. NAJEMUDIN

KUALA TERENGGANU — Universiti Malaysia Terengganu (UMT) mengetengahkan Eksopo Pendidikan, Latihan dan Kerjaya terbesar di Pantai Timur dalam usaha menangani masalah berkaitan pemilihan kursus di IPT kepada pelajar.

Naib Canselor UMT, Profesor Datuk Dr. Sulaiman Md. Yassin, berkata, program tahunan berkenaan bertujuan membantu pelajar, lepasan sekolah, lepasan diploma dan ibu bapa mengenai pelbagai kursus selain peluang untuk pendidikan lanjut.

Katanya, eksopo seumpama itu menjadi landasan kepada orang ramai untuk mengetahui lebih lanjut mengenai kursus utama di IPT yang diminati.



Pelajar tekun mendengar penerangan mengenai kursus yang ditawarkan di IPT pada Pameran Eksopo Karnival, Kerjaya dan Latihan di UMT, kelmarin.

"Isu pengangguran sering kali diketengahkan dan ia merupakan inisiatif bagi menggalakkan pelajar mendapatkan maklumat secara meluas mengenai bidang yang ingin diceburi di IPT.

"Secara tidak langsung, kefahaman yang didapati dari pada program ini memberi manfaat yang luas mengenai

IPTA serta program yang ditawarkan di IPT berkenaan," katanya ketika berucap pada Majlis Perasmian Eksopo Pendidikan, Latihan dan Kerjaya, di UMT, kelmarin.

Eksopo tersebut turut menonjolkan penyertaan dari IPT seluruh Malaysia seperti Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Industri

Selangor (UNISEL), Kolej Polytech, Institut Kemahiran MARA (IKM), Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan sebagainya.

Selain itu, eksopo yang berlangsung bermula 27 hingga 29 Mac turut menyediakan ceramah yang dapat membantu pelajar membuat keputusan tepat bagi pemilihan ke IPT.